

Selasa – 15 September 2020

Halaman : 12

Bermalam atas bukit

500 Orang Asli terperangkap banjir lumpur landa jam 1 pagi

Oleh Ramli Ibrahim
am@hmetro.com.my

Gua Musang

Hampir 500 penduduk Orang Asli di Pos Gob, dekat sini, terperangkap di atas bukit selepas kampung mereka dilanda banjir lumpur, Sabtu lalu.

Banjir lumpur akibat hujan lebat lebih enam jam itu hampir memusnahkan kawasan penempatan mereka selain semua tanaman rosak dan tiga jambatan runtuh.

Penghulu Pos Gob, Uda Alang berkata, kejadian berlaku pada jam 1 pagi dan mereka terpaksa menyelamatkan diri dengan melaikan diri ke atas bukit berhampiran penempatan.

Katanya, sehingga kini penduduk terdiri daripada 169 keluarga belum dapat



UDA

pulang ke rumah.

"Rumah dan tanaman rosak. Pada masa sama kami hampir terputus bekalan makanan kerana sudah tiga hari terperangkap di sini."

"Nasib baik kami sempat membawa sedikit makanan ketika menyelamatkan diri, tetapi hampir habis menyebabkan kami terpaksa mencari pucuk kayu sekitar ka-



AIR sungai di Pos Gob surut semula namun penduduk Orang Asli masih berselindung di atas bukit kerana takut kejadian berulang apabila

wasan ini," katanya.

Menceritakan semula kejadian, Uda berkata, sebelum kejadian, hujan lebat mulai 6 petang dan berlarutan sehingga 1 pagi.

Katanya, keadaan itu menyebabkan air sungai melimpah.

"Jadi, saya mengarahkan semua penduduk lari menyelamatkan diri ke atas bukit berhampiran sebelum air surut semula jam 7 pagi."

"Bagaimanapun, kami tidak dapat pulang ke rumah kerana ada sebahagiannya rosak, selain dipenuhi lumpur," katanya.

Sementara itu, seorang penduduk, Semail Angah, 45, berkata, dia terkejut melihat keadaan air sungai yang naik secara mendadak.

Katanya, pada malam kejadian, dia tidak dapat tidur kerana bimbang keselamatan keluarga.

"Lebih menyediakan banyak tanaman termasuk pisang dan ubi kayu yang menjadi sumber makanan musnah.

"Kini kami sudah terputus bekalan makanan kerana tidak dapat keluar ke bandar susulan jalan rosak teruk selain tiga jambatan runtuh," katanya.

Dalam pada itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Galas, Ab Aziz Yusof

berkata, beliau menerima maklumat berhubung kejadian itu pagi kelmarin.

Beliau berkata, mereka sudah berusaha menghantar bantuan makanan kepada penduduk, tetapi agak sukar kerana laluan ke kawasan itu terputus.

"Insya-Allah kita akan hantar makanan pagi esok (hari ini), mungkin akan menggunakan helikopter," katanya.

Rumah dan tanaman rosak. Pada masa sama kami hampir terputus bekalan makanan kerana sudah tiga hari terperangkap di sini"

Uda Alang